

30 APR 1999

Abdullah-Wan Azizah

UMNO DAN BN KUASA RAKYAT YANG SEBENAR, KATA ABDULLAH

ALOR SETAR, 30 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyangkal dakwaan presiden Parti KeADILan Nasional Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail bahawa sokongan rakyat kepadanya dan parti KeADILan adalah kuasa rakyat versi Malaysia.

Abdullah, yang ditemui pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Pokok Sena dekat sini, berkata Umno dan Barisan Nasional (BN) adalah kuasa rakyat yang sebenarnya.

"Inilah kuasa yang telah menentukan arahnya dan matlamat pembangunan negara selama ini...inilah badan yang selama ini telah berusaha untuk membangunkan negara," katanya.

Abdullah berkata demikian sebagai mengulas ucapan isteri bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim itu di Kelab Rotary, Manila semalam yang berkata sokongan rakyat kepadanya dan parti KeADILan adalah kuasa rakyat versi Malaysia.

Wan Azizah berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan "konco-konconya yang terdesak" akan melakukan apa sahaja untuk memusnahkan karier politik suaminya.

Abdullah berkata Umno dan BN sahaja yang layak digelar kuasa rakyat kerana ia dapat menjaga negara serta mengekalkan keamanan, keselamatan dan keharmonian hidup.

"Hasilnya, rakyat di negara ini daripada pelbagai lapisan kaum dapat hidup dalam suasana harmoni, aman dan selamat tanpa mempunyai perasaan takut...mereka juga dapat menikmati segala hasil daripada pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata rakyat di negara ini juga berpeluang untuk merebut segala peluang yang berkualiti dan bermutu untuk memajukan diri serta kerjaya sendiri.

Katanya, Umno dan BN juga telah menjadikan Malaysia sebagai negara yang termaju di kalangan negara membangun ketika ini.

-- BERNAMA

MAN AKD